

# Dr. Jeffrey diminta terima keputusan ROS

SUBANG 24 Mac — Timbalan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Datuk Dr. Jeffrey Kitingan yang digantung jawatannya diminta menerima keputusan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) yang mengesahkan kemenangan Tan Sri Joseph Kurup sebagai presiden parti itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Dr. Jeffrey perlu menghormati keputusan itu kerana pemilihan Kurup dan kumpulannya dibuat melalui mesyuarat yang sah dan mengikut perlembagaan parti.

Menurutnya, pergeseran dalaman PBRS perlu dielakkan kerana walaupun ia merupakan satu daripada parti komponen Barisan Nasional (BN), namun perbalahan yang berlaku boleh menjejaskan kekuatan parti pemerintah.

“Saya harap Dr. Jeffrey dapat menerima semua keputusan ini. Yang penting jangan timbulkan pergolakan dalam PBRS. Ia tak akan jadi baik kerana kita mahu semua parti komponen dalam BN sentiasa kukuh dan elok,” katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas menyambut kepulangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini.

Beliau diminta mengulas keputusan ROS yang mengesahkan kemenangan Kurup, yang juga anggota kabinet Sabah, sebagai Presiden PBRS yang sah.

Mengulas lanjut, Abdullah berkata, ROS sebenarnya telah nun menerima lanoran hasil dari mesyuarat agung PBRS dan mendapati pemilihan pemimpin yang dilakukan oleh parti berkenaan mengikut ketetapan.

Katanya, Dr. Jeffrey juga tidak mempunyai sebab untuk terus mempertikaikan keputusan berkenaan melainkan jika mesyuarat yang dijalankan terbukti bercanggah dengan perlembagaan PBRS.

Justeru beliau menasihatkan pemimpin terbabit agar tidak membangkitkan lagi perkara berkenaan, sebaliknya terus bekerja untuk menjadikan PBRS sebagai sebuah parti yang kuat.